



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



upsi

# ANALISIS MAKNA EKSPLISIT PENTERJEMAHAN PERIBAHASA ARAB-MELAYU DALAM BUKU KALILAH WA DIMNAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SALMI SAKINAH BINTI ABDUL SHUKOR**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ANALISIS MAKNA EKSPLISIT PENTERJEMAHAN PERIBAHASA ARAB-  
MELAYU DALAM BUKU KALILAH WA DIMNAH**

**SALMI SAKINAH BINTI ABDUL SHUKOR**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (v)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ...17...(hari bulan).....5..... (bulan) 2025....

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, Salmi Sakinah Binti Abdul Shukur, M20171000670, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Analisis Makna Eksplisit Penterjemahan Peribahasa Arab - Melayu dalam Buku Kalilah Wa Dimnah

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, Taj Rijal Bin Muhamad Romli (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Analisis Makna Eksplisit Penterjemahan Arab - Melayu dalam Buku Kalilah Wa Dimnah

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Ijazah Sarjana Sastera Bahasa Arab (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

17 JUN 2025

Tarikh

DR. TAJ RIJAL BIN MUHAMAD ROMLI  
Ketua Jabatan Bahasa Modem  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Analisis Makna Eksplisit Penterjemahan Peribahasa Arab - Melayu dalam  
Buku Kalilah Wa Dimnah

No. Matrik / Matric's No.: M20171000670

Saya / I: SALMI SAKINAH BINTI ABDUL SHUKOR  
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

  
\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

  
**DR. TAJ RIJAL BIN MUHAMAD ROMLI**  
Ketua Jabatan Bahasa Moden  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan  
\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 17 JUN 2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*



## PENGHARGAAN

Pertama sekali, Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmat daripadanya dapat saya menyiapkan kertas penyelidikan ini. Setinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua insan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang tempoh saya menyiapkan disertasi ini terutamanya kepada penyelia saya, Dr Taj Rijal Bin Muhammad Romli yang sentiasa membantu dan memberikan tunjuk ajar yang baik di dalam saya menyiapkan kajian ini. Saya telah mengenali beliau di peringkat ijazah sarjana muda sehingga kini. Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada barisan pensyarah bahasa Arab yang memberikan tunjuk ajar ketika saya membentangkan proposal defense (cadangan kajian) dan ketika saya membentangkan dapatan kajian. Mereka telah memberikan idea yang bernas kepada saya. Kemudian, sekalung penghargaan ditujukan kepada keluarga saya terutamanya kedua ibu bapa saya yang sentiasa mendoakan dan memberikan dorongan kepada saya sepanjang tempoh pengajian.





## ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis makna eksplisit yang muncul semasa proses penterjemahan peribahasa Arab-Melayu dalam buku Kalilah & Dimnah: Inspirasi Cendekiawan Merentas Masa, yang diterjemahkan oleh Siti Hadijah Mappeneding pada tahun 2017. Pengkaji menggunakan metodologi kualitatif yang berfokus kepada kajian kepustakaan. Kajian ini berlandaskan kerangka teori yang dikemukakan oleh Vinay dan Darbelnet, serta Klaudy dan Karoly, yang menggunakan pendekatan yang sistematik dan terperinci. Sebanyak 10 peribahasa daripada buku tersebut telah dipilih sebagai korpus kajian. Teknik pengeksplicitan yang digunakan oleh penterjemah telah dianalisis berdasarkan 10 teknik pengeksplicitan yang digariskan dalam kajian Mohamed Mostafa (2016). Dapatan kajian menunjukkan bahawa beberapa teknik ini telah digunakan secara berkesan dalam menterjemah peribahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, termasuk parafrasa eksplisit, penggunaan kata hubung, pengembangan leksikal, pengkhususan, penggantian, penjelasan, pelepasan, rujukan, peningkatan frasa dan klausa dan pengulangan leksikal. Kajian ini merumuskan bahawa penterjemah telah menggunakan pelbagai teknik pengeksplicitan bagi memastikan terjemahan yang tepat dan sesuai dari segi pemahaman budaya. Implikasi kajian ini menekankan kepentingan teknik pengeksplicitan dalam menterjemahkan ungkapan yang terikat dengan unsur budaya seperti peribahasa, serta memahami keperluan untuk mengintegrasikan teknik ini dalam kurikulum penterjemahan, dengan memberi penekanan yang penting terhadap konteks budaya dalam proses pemindahan bahasa.





## ABSTRACT

The aim of this study is to analyze the explicit meanings that emerge during the translation process of Arabic proverbs in the book *Kalilah & Dimnah: The Inspiration of Cross-Time Scholars*, translated by Siti Hadijah Mappedning in 2017. Employing a qualitative methodology centered on library research, the study draws on the theoretical frameworks of Vinay and Darbelnet, as well as Klaudy and Karoly, which provide systematic and in-depth approaches to interpretation. A corpus of 10 proverbs from the book was selected, and the explicitation techniques employed by the translator were examined, guided by the 10 explicit techniques outlined in Mohamed Mostafa's (2016) study. The findings reveal that several techniques were effectively utilized in translating Arabic proverbs into Malay, including explicit paraphrase, conjunction, lexical expansion, specialization, replacement and defining, amplification, ellipsis, references, and lexical repetition. The study concludes that the translator employed a range of explicit techniques to ensure accurate and culturally appropriate translations. The implications of this research highlight the significance of explicitation techniques in translating culturally bound expressions like proverbs and underscore the need to integrate these strategies into translation curricula, emphasizing the critical role of cultural context in the language transfer process.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI</b>	xv
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1    Pendahuluan	1
1.2.   Latar Belakang Kajian	3
1.3.   Pernyataan Masalah	6
1.4.   Objektif Kajian	10
1.5.   Soalan Kajian	11
1.6.   Batasan Kajian	11
1.7.   Kerangka Teoritikal	12
1.8.   Kepentingan Kajian	12
1.9.   Definisi Konsep	13
1.9.1.  Makna Implisit	13
1.9.2.  Makna Eksplisit	13

1.9.3. Pengeksplisitan	15
1.9.4. Relevans	15
1.9.5. Budaya	16
1.9.6. Hipotesis Asymmetry	17
1.10. Kesimpulan	19

## **BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

2.1. Pendahuluan	20
2.2. Penterjemahan buku sastera Arab- Melayu	21
2.3. Kajian Penterjemahan Peribahasa Arab- Melayu-Arab	24
2.4. Biodata pengarang buku Kalilah wa Dimnah Abdullah Ibn al-Muqaffa', karya Kalilah wa Dimnah dan penterjemahannya ke bahasa-bahasa lain di dunia	25
2.4.1 Latar Belakang Pendidikan Abdullllah ibn al-Muqaffa	28
2.4.2 Pekerjaan lain Abdullllah ibn al-Muqaffa	29
2.5. Biodata penterjemah buku Kalilah wa Dimnah	29
2.6. Terjemahan Kalilah Wa Dimnah	32
2.7. Kajian mengenai Kalilah Wa Dimnah	33
2.8. Pengimplisitan	35
2.9. Sebab Berlakunya Pengeksplisitan	37
2.10. Permasalahan dalam pengeksplisitan	40
2.11. Strategi Penterjemahan Peribahasa	43
2.12. Pengeksplisitan dalam Penterjemahan	45
2.13. Aspek budaya serta Kaitannya dalam Penterjemahan	55
2.14. Teori Relevans	59
2.15. Bahasa Figuratif	62
2.16. Kajian yang berkaitan	64
2.16.1. Kajian mengenai peranan strategi pengeksplisitan	64

2.16.2. Pengeksplisitan dan pengimplisitan dalam penterjemahan teks perniagaan Inggeris-Jerman, dan Jerman-Inggeris, sebuah kajian berasaskan korpus-Viktor Becher 2011	68
2.16.3. Kajian eksplisit di dalam Penterjemahan literal Inggeris- Arab Arwa Mansour, Belqees Al Sowaidi and Tawfeek Abdou Saeed Mohammed	72
2.16.4. Kajian Mengenai Analisis Makna Implisit dan Eksplisit Dalam Penterjemahan Buku Rihlah Ibn Battutah ke Bahasa Melayu- Syed Nurul Akla (2015)	74
2.16.5. Kajian Mengenai Teknik Pengeksplisitan Inggeris-Arab	77
2.16.6 Kajian mengenai ‘Kalilah Wa Dimnah sebagai sebuah naratif dalam mendidik masyarakat	78
2.17. Kesimpulan	80

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1. Pengenalan	81
3.2. Prosedur kajian	82
3.3. Reka bentuk kajian	83
3.4. Analisis teks	84
3.5. Pengumpulan Data	84
3.5.1 Teknik Parafrasa Eksplisit	92
3.5.2 Teknik Rujukan	96
3.5.3 Teknik Penjelasan (amplifikasi)	97
3.5.4 Teknik kata hubung	98
3.5.5 Teknik pengkhususan	98
3.5.6 Teknik Peningkatan Frasa ke Klausa	100
3.5.7 Teknik Peluasan Leksikal	100
3.6. Rangka kerja teoritikal	101
3.7. Prosedur Analisis Teks	101

- 3.8. Proses Pengekodaan Data 106
- 3.9. Kesimpulan 108

#### **BAB 4 ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN**

- 4.1. Terjemahan Kalilah Wa Dimnah 110
- 4.2. Kalilah Wa Dimnah dan Pembahagian Bab 112
- 4.3. Soalan pertama : Apakah bentuk eksplisit yang terdapat dalam buku Kalilah wa Dimnah 117
- 4.4. Soalan kedua: Bagaimanakah bentuk analisis pendekatan terjemahan eksplisit dalam peribahasa kepada bahasa Melayu di dalam karya penterjemahan Kalilah wa Dimnah. 118
- 4.4.1 Contoh Pengeksplisitan yang berlaku disebabkan Teknik Pengkhususan yang melibatkan Kata Bilangan dan Kata Majmuk 119
- 4.4.2 Contoh Pengeksplisitan yang berlaku disebabkan Teknik Parafrasa Eksplisit dan Teknik Penggantian 125
- 4.4.3 Contoh Pengeksplisitan yang berlaku disebabkan Teknik Pengkhususan dan Penggantian (Kata Tugas dan Kata Perumpamaan di awal ayat). 131
- 4.4.4 Contoh Pengeksplisitan yang berlaku disebabkan Teknik Pengkhususan (Kata Hubung) dan (Kata Keterangan) 136
- 4.4.5 Contoh Pengeksplisitan yang berlaku disebabkan Teknik Penggantian (Penambahan Penanda Wacana, Kata Sendi Nama) 141
- 4.4.6 Contoh Pengeksplisitan yang berlaku disebabkan Teknik Kata Hubung (Kata Hubung Pancangan) 147
- 4.4.7 Contoh Pengeksplisitan yang berlaku disebabkan Teknik Penggantian dan Pengkhususan (Kata Kerja Transitif) 151
- 4.4.8 Contoh Pengeksplisitan yang berlaku disebabkan Teknik Penambahan Frasa ke Klausa 155
- 4.4.9 Contoh Pengeksplisitan yang berlaku disebabkan Teknik Pengkhususan dan Peluasan Leksikal (Kata

## Sinonim)

4.4.10 Contoh Pengeksplicitan yang berlaku disebabkan Teknik Penggantian (Penjodoh bilangan)	161
4.5. Soalan ketiga : Apakah teknik eksplisit yang bersesuaian dalam penterjemahan Arab-Melayu di dalam buku Kalilah wa Dimnah.	166
4.6. Kecenderungan penterjemah melakukan pengeksplicitan di dalam menterjemah	168
4.7. Bentuk penterjemahan teks Arab-Melayu dalam buku Kalilah wa Dimnah	171
4.8. Ciri-ciri Peribahasa Arab dan Peribahasa Melayu	172
4.9. Jenis-jenis Peribahasa Arab	177
4.9.1 Jenis Peribahasa Arab (Hikmah)	177
4.9.2 Jenis Peribahasa Arab (Perumpamaan)	178
4.9.3 Jenis Peribahasa Arab (Bidalan)	178
4.9.4 Jenis Peribahasa Arab (Pepatah)	178
4.10. Strategi Penterjemahan Peribahasa Arab – Melayu	179
4.11. Kesimpulan	199

**BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1. Rumusan Kajian	203
5.2. Cadangan	207
5.2.1 Cadangan berkaitan dengan aspek genre teks	207
5.2.2 Cadangan berkaitan dengan aspek metodologi	208
5.2.3 Cadangan untuk kajian lanjutan	212
5.3. Implikasi	214
5.3.1 Implikasi terhadap penterjemah	214
5.3.2 Implikasi terhadap pengajaran penterjemahan	215
5.4. Kesimpulan	219

**RUJUKAN**

221

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Jenis eksplisit dan contohnya dalam kajian Belqees Al Sowaidi and Tawfeek Abdou Saeed Mohammed	73
2.2	Makna eksplisit menurut Syed Nurul Akla (2015)	75
3.1	Eksplisit yang terdapat dalam peribahasa	103
3.2	Eksplisit yang terdapat dalam peribahasa	104
3.3	Eksplisit yang terdapat dalam peribahasa	108
4.1	Eksplisit yang terdapat dalam peribahasa (1)	120
4.2	Jumlah penambahan perkataan di dalam teks terjemahan (1)	125
4.3	Eksplisit yang terdapat dalam peribahasa (2)	126
4.4	Jumlah penambahan perkataan di dalam teks terjemahan (2)	130
4.5	Eksplisit yang terdapat dalam peribahasa (3)	131
4.6	Jumlah penambahan perkataan di dalam teks terjemahan (3)	136
4.7	Eksplisit yang terdapat dalam peribahasa (4)	136
4.8	Jumlah penambahan perkataan di dalam teks terjemahan (4)	140
4.9	Eksplisit yang terdapat dalam peribahasa (5)	141
4.10	Jumlah penambahan perkataan di dalam teks terjemahan (5)	147
4.11	Eksplisit yang terdapat dalam peribahasa (6)	148
4.12	Jumlah penambahan perkataan di dalam teks terjemahan (6)	151
4.13	Eksplisit yang terdapat dalam peribahasa (7)	151

4.14	Jumlah penambahan perkataan di dalam teks terjemahan (7)	155
4.15	Eksplisit yang terdapat dalam peribahasa (8)	156
4.16	Jumlah penambahan perkataan di dalam teks terjemahan (8)	158
4.17	Eksplisit yang terdapat dalam peribahasa (9)	159
4.18	Jumlah penambahan perkataan di dalam teks terjemahan (9)	161
4.19	Eksplisit yang terdapat dalam peribahasa (10)	162
4.20	Jumlah penambahan perkataan di dalam teks terjemahan (10)	165
4.21	Bentuk penterjemahan teks Arab-Melayu dalam buku Kalilah wa Dimnah	171
4.21	Peribahasa Arab – Melayu dalam buku Kalilah Wa Dimnah	189
4.22	Teknik Pengeksplisitan Peribahasa Arab- Melayu 1	190
4.23	Teknik Pengeksplisitan Peribahasa Arab- Melayu 2	190
4.24	Teknik Pengeksplisitan Peribahasa Arab- Melayu 3	191
4.25	Jadual Teknik Pengeksplisitan Peribahasa Arab- Melayu 4	192
4.26	Jadual Teknik Pengeksplisitan Peribahasa Arab- Melayu 5	192
4.27	Jadual Teknik Pengeksplisitan Peribahasa Arab- Melayu 6	192
4.28	Jadual Teknik Pengeksplisitan Peribahasa Arab- Melayu 7	193
4.29	Jadual Teknik Pengeksplisitan Peribahasa Arab- Melayu 8	194
4.30	Jadual Teknik Pengeksplisitan Peribahasa Arab- Melayu 9	195
4.31	Jadual Teknik Pengeksplisitan Peribahasa Arab- Melayu 10	196



## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Textual /discourse-based explicitness (Murtisari, 2013)	14
2.1	Faktor yang menyebabkan berlakunya eksplisit Klaudy (2011)	50
3.1	Prosedur Kajian	82
3.2	Pengumpulan data	85
3.3	Strategi Pengeksplisitan oleh Klaudy dan Karoly diolah daripada dan diterjemahkan oleh Syed Nurul Akla (2015)	87
3.4	Teknik eksplisit (diolah dan diterjemahkan dari kajian Mohamed Mostafa el Nashar) (2016)	88
3.5	Teknik eksplisit	91



**PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI**

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	H
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	ṣ
ض	ḍ

Huruf Arab	Huruf Rumi
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
و	W
ه	H
ء	,
ي	Y
ة	ah*

\*Ditransliterasikan sebagai ‘at’ dalam konteks gabungan dua perkataan.





## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1. Pendahuluan



Menterjemah adalah satu aspek penting dalam penyampaian dan pemindahan maklumat dari bahasa asal ke bahasa sasaran. Penterjemahan juga bermaksud proses menterjemah bahan-bahan sama ada dalam bentuk tulisan atau teks. Tidak dapat dinafikan bahawa terjemahan mempunyai pelbagai definisi yang pelbagai dan berbeza menurut ahli-ahlinya. Antara tokoh terjemahan ialah Eugene A. Nida. Beliau telah mendefinisikan terjemahan sebagai:

Penyalinan semula maklumat dari bahasa asal ke bahasa sasaran dilakukan dengan cara yang hampir sama dari segi makna dan gaya. (Abdullah Hassan, 2001). Seterusnya, J.C. Catford (1965) mendefinisikan terjemahan sebagai penggantian bahan tekstual dalam satu bahasa (bahasa sumber) dengan bahan tekstual yang setara





dalam bahasa lain (bahasa sasaran). Terjemahan adalah proses pemindahan makna dari satu bahasa ke bahasa lain.

Menurut Newmark (1981), penterjemahan adalah seni yang melibatkan usaha menggantikan mesej dan pernyataan bertulis dalam satu bahasa dengan mesej atau pernyataan setara dalam bahasa lain. Abdullah Hassan dan Ainon Muhammad (2000) menganggap penterjemahan sebagai aktiviti manusia untuk berkomunikasi, baik antara bahasa maupun antara budaya yang berbeza.

Secara umum, terjemahan adalah proses memindahkan pesan dari teks dalam bahasa sumber (*source language*) ke dalam bahasa sasaran (*target language*). Nida (1964) mendefinisikan penterjemahan sebagai penggantian informasi dari bahasa sumber ke bahasa penerima dengan padanan yang paling dekat dan alami; pertama dari segi makna dan kedua dari segi gaya.

Terjemahan yang dihasilkan harus memiliki persamaan yang paling dekat dan alami. Persamaan terdekat berarti makna antara bahasa sumber dan bahasa sasaran seboleh mungkin serupa, sementara sepadan atau sejadi bermaksud makna yang dipindahkan harus terdengar alami atau idiomatik dalam bahasa sasaran. J.C. Catford (1965) mendefinisikan terjemahan sebagai penggantian bahan tekstual dari satu bahasa dengan bahan tekstual setara dalam bahasa lain. Terjemahan adalah proses pemindahan makna ujaran dari satu bahasa ke bahasa lain. Newmark (1981) berpendapat terjemahan bukanlah satu sains atau seni. Namun demikian kemahiran gaya penulis dan penterjemah tentulah tidak sama. Penterjemah akan menulis dengan





gaya penulisan yang lebih disenangi berbanding dengan penulis teks asal. Kemungkinan teks sumber mengandungi unsur budaya yang kurang difahami oleh penterjemah, maka penterjemah hanya akan menterjemah setakat yang dia mampu sahaja. Ini akan mengakibatkan kemungkinan berlakunya ketidaksamaan makna dalam penterjemahan.

Menurut Delabastita (1993), penterjemahan adalah proses pengekodan semula yang melibatkan penyesuaian linguistik, pemindahan budaya, dan pemilihan teknik retorik. Penterjemah perlu membuat pilihan dalam proses menterjemah kerana kod bahasa sumber dan bahasa sasaran tidak simetri, dan cara penyampaian teks adalah kompleks



## 1.2. Latar Belakang Kajian

Kajian ini akan menyelidiki makna terjemahan yang diterjemahkan secara eksplisit dalam buku *Kalilah wa Dimnah*. Makna eksplisit merujuk kepada fenomena di mana teks sasaran menjadi lebih panjang berbanding teks asal. Ia juga merupakan suatu proses yang digunakan untuk mengisi jurang di dalam terjemahan dengan memasukkan frasa-frasa penjelasan, atau menambah makna semantik untuk meningkatkan kefahaman pembaca.

Sarjana yang menjadi pelopor dengan memperkenalkan konsep eksplisit ialah Vinay dan Darbelnet (1958). Menurut Vinay dan Darbelnet eksplisit adalah :



*"The process of adding information to the target language that is only implied in the source language but can be inferred from the context or situation."*

Proses memindahkan maklumat ke teks sasaran yang didapati implisit dalam teks sumber, tetapi diperoleh dari konteks dan situasi.

Selain itu, terdapat hipotesis yang dikemukakan oleh Blum-Kulka (1986) yang mengatakan bahawa teks terjemahan atau disebut sebagai teks sasaran selalunya kelihatan lebih eksplisit dari teks asal.

Istilah "eksplisit" itu sendiri mula mendapat perhatian dalam kajian terjemahan pada akhir abad ke-20. Kajian formal eksplisit sebagai strategi terjemahan telah dimajukan dengan ketara oleh Vinay dan Darbelnet dalam kajian mereka, "Stilistik Perbandingan Perancis dan Inggeris" (1958). Mereka mengenal pasti pelbagai strategi terjemahan, termasuk eksplisit, yang melibatkan menjadikan maklumat tersirat dalam teks sumber lebih eksplisit dalam teks terjemahan. Vinay dan Darbelnet memerhatikan bahawa penterjemah sering menambah maklumat untuk menjelaskan unsur-unsur yang tidak jelas atau khusus budaya untuk khalayak sasaran.

Kemudian konsep eksplisit dikembangkan lagi oleh Anna Šojat pada tahun 1980-an, yang meneroka bagaimana terjemahan boleh melibatkan menjadikan elemen tertentu teks sumber lebih eksplisit. Šojat menekankan cara eksplisit membantu dalam menjadikan teks terjemahan lebih mudah difahami oleh sasaran dengan menyediakan konteks atau penjelasan tambahan.



Seorang lagi penyumbang penting kepada penyelidikan mengenai eksplisit ialah Mona Baker, pada tahun 1990-an, yang mengkaji eksplisit dalam rangka anjakan terjemahan. Mona Baker mendedahkan cara penterjemah mungkin memperkenalkan penjelasan atau butiran tambahan untuk memastikan teks sasaran menyampaikan maksud yang dimaksudkan dengan berkesan, terutamanya apabila berurusan dengan kandungan yang kompleks atau khusus budaya.

Seterusnya, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, penyelidikan mengenai eksplisit telah berkembang dengan kemunculan kajian berasaskan korpus dan pelbagai genre teks lain. Sarjana penterjemahan seperti Michael Baker dan Claudia V. Angelelli telah menggunakan kaedah empirikal untuk menganalisis teks terjemahan, mengenal pasti bentuk eksplisit dan caranya berbeza mengikut bahasa dan genre yang berbeza. Penyelidikan ini telah memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang kekerapan, sifat dan sebab di sebalik berlakunya eksplisit dalam terjemahan.

Pengkaji dapati kajian eksplisit mempunyai kesan kepada penterjemah dan pengajar terjemahan. Memahami eksplisit membantu penterjemah membuat keputusan termaklum tentang berapa banyak maklumat tambahan yang perlu disertakan dan cara mengimbangi kejelasan dengan kesetiaan kepada teks asal. Selain itu, ia juga membantu dalam membangunkan garis panduan terjemahan dan program latihan yang menangani cabaran biasa dalam membuat maklumat tersirat secara eksplisit.

Pengkaji dapati konsep eksplisit telah berkembang daripada asas teori awal kepada fenomena yang diteliti dengan baik dalam kajian terjemahan. Daripada





pemerhatian awal yang dikaji oleh Vinay dan Darbelnet kepada analisis berasaskan korpus kontemporari, kajian eksplisit telah memberi maklumat tentang cara terjemahan mengubah makna dan cara penterjemah menavigasi kerumitan komunikasi silang bahasa. Penyelidikan berterusan ini terus membentuk amalan penterjemahan dan menyumbang kepada pembangunan teori bidang pengeksplisitan.

### 1.3. Penyataan Masalah

Proses penterjemahan bukannya suatu proses yang mudah. Penterjemah perlu mencari padanan yang sesuai atau sepadan sebelum mengalihkan maklumat dari teks sumber ke teks sasaran. Menurut Mohd Hilmi Abdullah (2015) penterjemahan akan melalui pelbagai proses yang tidak dapat dielakkan. Antaranya ialah perubahan struktur ayat, pengguguran, penambahan, penggantian harfiah, meminjaman, penerangan tambahan, modulasi, penyesuaian dan penyamaan.

Di dalam kajian ini, pengkaji memberi tumpuan kepada penerangan tambahan atau eksplisit dalam terjemahan *Kalilah wa Dimnah*. Karya *Kalilah wa Dimnah* adalah sastera klasik yang mengandungi banyak ujaran eksplisit apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk menyesuaikan dengan konteks budaya masyarakat Melayu

Setelah meneliti teks asal dan terjemahan *Kalilah wa Dimnah*, pengkaji mendapati terdapat empat isu dalam buku terjemahan *Kalilah wa Dimnah* yang diterjemahkan oleh Siti Hadijah Mappeding. Antara isu tersebut adalah meliputi





padanan terjemahan yang perlu disemak semula, kesalahan ejaan, konteks ayat, dan ketidakselarasan istilah yang digunakan oleh penterjemah. Isu-isu ini berpotensi menyebabkan pembaca keliru dengan makna terjemahan tersebut.

Seperti yang diketahui, tidak semua makna dan maklumat dapat diterjemahkan dengan jelas dan tepat dari bahasa sumber ke bahasa sasaran. Jadi kaedah pengeksplisitan diperlukan untuk menjelaskan makna terjemahan dengan lebih jelas dan berkesan. Pengkaji telah mendapati terdapat kesalahan dari sudut makna terjemahan pada ayat مقدوفا وأصبحت المروءة diterjemahkan kepada perikemanusiaan dicampak dari puncak tertinggi iaitu pada muka surat 85. Perkataan المروءة diterjemahkan kepada perikemanusiaan. Makna yang terdapat dalam kamus ialah maruah. Seterusnya pada muka surat 49, perkataan المودة diterjemahkan kepada persaudaraan. Merujuk kepada kamus Dewan, makna المودة diterjemahkan kepada kasih sayang.

Berikutnya, Pada muka surat 298, terdapat penterjemahan yang salah pada perkataan نخلة diterjemahkan kepada pokok kelapa, tetapi makna sebenar adalah pokok kurma. Penterjemah perlu menguasai kaedah pengeksplisitan di dalam memberikan penjelasan supaya makna teks dapat digarap oleh pembaca dengan betul. Namun, jika teknik eksplisit yang digunakan salah, bimbang ia akan membawa kepada makna dan padanan terjemahan yang kurang tepat. Selain itu, pada muka surat 111, penterjemah menterjemahkan perkataan العلاجوم kepada bangau, pengkaji mendapati penterjemahan ini adalah tidak tepat kerana merujuk kamus Dewan, nama saintifik bagi bangau adalah مالك الحزين. Manakala maksud bagi perkataan العلاجوم adalah kodok.





Seterusnya mengenai konteks ayat, struktur ayat apabila diterjemahkan hendaklah mengikut struktur ayat bahasa Melayu. Pengkaji dapati pada muka surat 33, terdapat perkataan yang tidak mengikut konteks ayat dalam bahasa Melayu, iaitu pada perkataan جعل كلامه على ألسن البهائم diterjemahkan kepada Baidaba menyusunnya dalam bentuk fabel alegori sinikal, perkataan 'sinikal' tidak ada dalam bahasa Melayu, yang boleh menyebabkan pembaca sasaran sukar memahami maksudnya dengan baik.

Selain itu, pada muka surat 15, penterjemah menterjemah ayat وهشم بيضها وقتل فراخها kepada habis remuk telur dan semua anak yang diaram mati. Dari segi konteks dalam bahasa Melayu, istilah yang digunakan adalah tidak tepat; telur tidak remuk, tetapi sepatutnya digantikan dengan 'retak' atau 'pecah'. Kemudian anak yang diaram juga merupakan terjemahan yang tidak tepat dari segi konteks bahasa Melayu, selalunya digunakan perkataan diaram untuk telur yang belum menetas, pengkaji mendapati istilah yang digunakan oleh penterjemah tidak tepat dengan mengatakan anak yang diaram.

Ketidakselarasan dalam penterjemahan juga akan menyebabkan pembaca sasaran menjadi keliru dengan makna yang diterjemahkan oleh penterjemah. Sebagai contohnya pada muka surat 291 dalam buku Kalilah wa Dimnah, ayat من ماء هذه الشجرة pada kali pertama diterjemahkan kepada air seduhan daun kayu ini, tapi pada ayat berikutnya diterjemahkan kepada air seduhan daun, dibuang perkataan kayu di dalam ayat tersebut.

Seterusnya, permasalahan kajian yang berikutnya ialah terdapat kesalahan ejaan pada muka surat 71, iaitu penterjemah menterjemah perkataan خيالات kepada





makna imajinasi. Sewajarnya perkataan tersebut diterjemahkan kepada 'imajinasi' bukan 'imajinasi'. Kesalahan ejaan juga perlu dititikberatkan dalam sesuatu penterjemahan itu.

Masalah yang berikutnya adalah mengenai budaya. budaya masyarakat Arab dan masyarakat Melayu tidak sama, justeru pembaca terdiri daripada masyarakat Melayu, untuk memudahkan para pembaca memahami teks tersebut terjemahan dilakukan bersesuaian dengan budaya Melayu contohnya : كما يحصن الشيء النفيس في القلاع الحصينة yang membawa maksud bak menyimpan mestika di menara terkawal ketat (Bak kata pepatah biar pecah di perut jangan pecah di mulut). Penterjemah boleh menterjemah kepada penterjemahan budaya atau terus kepada penterjemahan linguistik tanpa perlu menambah penerangan di dalam kurungan tersebut supaya penterjemahan tersebut dilihat bersahaja dan lancar. Terdapat pengeksplicitan yang dilakukan di sini iaitu penambahan pepatah Melayu yang bersesuaian dengan makna terjemahan Arab. Penterjemah memasukkan elemen pepatah Melayu supaya para pembaca dapat memahami maksud bak menyimpan mestika di menara terkawal ketat.

Justeru, pada pandangan pengkaji, penterjemah boleh merujuk kepada kajian Waleed Othman (2006) untuk menterjemah ayat-ayat yang memerlukan kepada pengeksplicitan kerana kajian Waleed Othman telah memberikan contoh-contoh teknik pengeksplicitan tanpa mengubah makna dalam teks sasaran. Dalam kajian tersebut, beliau menumpukan pada teknik pengeksplicitan dalam terjemahan Arab-Inggeris. Seterusnya, kajian Saldanha (2008) mengkaji sebab terjemahan pelajar lebih panjang berbanding terjemahan oleh penterjemah profesional. Pada tahun berikutnya,





pengkaji Nada Nizar (2009) meneroka strategi eksplisit dalam teks terjemahan Inggeris-Arab. Kajian seterusnya adalah oleh Syed Nurul Akla (2015) yang menganalisis makna implisit dan eksplisit dalam penterjemahan buku *Rihlah Ibn Battutah* ke dalam bahasa Melayu. Kajian Syed Nurul Akla adalah yang pertama meneliti domain pengeksplisitan dan pengimplisitan dalam terjemahan Arab-Melayu.

Selain itu, untuk memahami jenis eksplisit dengan baik, seorang penterjemah perlu memiliki pengetahuan mendalam tentang bidang, konsep, prosedur, dan jenis terjemahan. Nida (2009) menyatakan bahawa eksplisit dalam terjemahan dapat berbentuk leksikal, sintaksis, dan pragmatik. Tujuan eksplisit termasuk mengelakkan salah faham, memahami makna denotasi dan konotasi, serta mengeksplisitkan makna tersirat.



#### 1.4. Objektif Kajian

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji telah mengenal pasti tiga objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini, iaitu:

- i. Mengetahui bentuk eksplisit di dalam penterjemahan dalam buku *Kalilah Wa Dimnah*.
- ii. Melakukan penilaian terhadap pendekatan teknik eksplisit yang berkesan dalam penterjemahan *Kalilah Wa Dimnah*.
- iii. Merumuskan pendekatan terjemahan eksplisit peribahasa yang terdapat di dalam buku *Kalilah wa Dimnah*.





### 1.5. Soalan Kajian

- i. Apakah bentuk eksplisit dalam penterjemahan buku *Kalilah wa Dimnah*.
- ii. Bagaimanakah bentuk pendekatan terjemahan eksplisit dalam peribahasa kepada bahasa Melayu di dalam karya penterjemahan *Kalilah wa Dimnah*.
- iii. Apakah teknik eksplisit yang bersesuaian dalam penterjemahan Arab-Melayu di dalam buku *Kalilah wa Dimnah*.

### 1.6. Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan buku terjemahan Kalilah & Dimnah :

“Inspirasi Cendekiawan Merentas Masa” yang diterjemahkan oleh Siti Hadijah Mappeneding, seorang pegawai berita di BERNAMA. Buku ini diterbitkan oleh Alasyifaa Sdn Bhd pada tahun 2017. Kajian hanya melibatkan terjemahan dalam bahasa Melayu, tanpa menyentuh teks dalam bahasa Inggeris atau bahasa lain.

Pengkaji membatasi kajian kepada data tekstual sahaja, iaitu teks asal dan terjemahannya. Fokus kajian adalah pada peribahasa dalam *Kalilah Wa Dimnah* dan terjemahannya dari bahasa sumber ke bahasa sasaran. Oleh itu, kajian ini memfokuskan pada analisis data tekstual sahaja, tanpa melibatkan penelitian terhadap item lain termasuk penterjemah yang melakukan terjemahan tersebut.





## 1.7. Kerangka Teoritikal

Kerangka analisis kajian ini berlandaskan konsep pengeksplisitan (explicitation) yang dikembangkan oleh Klaudy dan Károly (2005). Pengkaji menggunakan pendekatan Klaudy dan Károly, di mana konsep pengeksplisitan merupakan sebahagian daripada prosedur terjemahan yang asalnya dikemukakan oleh Vinay dan Dalbernet (1958).

Menurut Vinay dan Dalbernet (1958), mesej merangkumi keseluruhan makna ujaran yang bergantung pada realiti tambahan dan paralinguistik, seperti situasi dan keadaan yang menghasilkan serta menerima mesej. Situasi ini mencadangkan dan mendorong mesej dihasilkan. Oleh itu, reaksi penulis, penterjemah, dan pembaca terjemahan perlu dipertimbangkan.



## 1.8. Kepentingan Kajian

- i. Kajian ini dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengamal penterjemahan untuk mempunyai pengetahuan yang lebih luas di dalam memahami konsep eksplisit, terutamanya teknik dan jenis eksplisit.
- ii. Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat korelasi hubungan antara budaya dan penterjemahan saling berkait rapat antara satu sama lain dan menyebabkan pengeksplisitan berlaku.





## 1.9. Definisi Konsep

Dalam subtopik ini, istilah-istilah yang menjadi fokus kajian telah dipilih untuk dihuraikan dengan lebih lanjut. Definisi konsep yang dipilih adalah seperti berikut:

### 1.9.1. Makna Implisit

Makna implisit adalah maklumat yang tidak dinyatakan secara langsung, menyebabkan pembaca sukar membuat inferens atau kesimpulan. Larson (1984) menyatakan bahawa makna implisit adalah makna yang tidak dinyatakan tetapi merupakan sebahagian daripada perbualan atau maksud yang ingin disampaikan oleh penutur.




### 1.9.2. Makna Eksplisit

Makna eksplisit adalah maklumat yang dinyatakan dengan jelas, sehingga memungkinkan pembaca membuat inferens atau kesimpulan. Menurut Becher (2011), keeksplisitan berarti menyatakan sesuatu yang mungkin sudah difahami. Murtisari (2013) menambahkan bahawa dalam analisis wacana/teks, eksplisit merujuk kepada pengkhususan, fokus, penekanan terhadap sesuatu, topikal, dan maklumat yang banyak.



## Rajah 1.1

*Textual /discourse-based explicitness (Murtisari, 2013)*



Menurut Murtisari (2013), eksplisit berasaskan teks/wacana memberi tumpuan kepada apa yang dikodkan dalam teks sasaran (TT) tetapi tidak dalam teks sumber (ST), tanpa mengira sama ada maklumat ini boleh disimpulkan daripada konteks teks sumber.

Dalam analisis wacana, Schiffrin (1994/2003) menjelaskan bahawa eksplisit adalah ciri yang berkaitan dengan keterlihatan, kefahaman, atau kebolehcapaian sesuatu yang telah diungkapkan. Eksplisit teks sering digabungkan dengan perbezaan yang dikodkan/disimpulkan, di mana maklumat yang dikodkan dianggap eksplisit, manakala makna yang disimpulkan adalah tersirat.

Walau bagaimanapun, sistem gabungan ini tidak berfungsi dengan baik apabila digunakan pada eksplisit, yang mempunyai watak dinamik. Sebagai contoh,



makna inferens yang dinyatakan dalam eksplisit mungkin lebih umum daripada item sumber yang digantikannya, tetapi menurut sistem yang dikodkan/disimpulkan, perkara yang lebih umum tidak boleh lebih eksplisit.

Secara ringkasnya, eksplisit berasaskan teks/wacana memfokuskan pada perbezaan eksplisit antara teks sumber dan sasaran, tanpa mengira kebolehsimpulan. Walaupun berguna untuk kajian korpus, pendekatan ini tidak menjelaskan sepenuhnya proses membuat keputusan penterjemah atau hubungan antara teks sumber dan sasaran. Gabungan dengan eksplisit yang dikodkan/disimpulkan juga mempunyai had apabila digunakan pada sifat eksplisit yang dinamik.

### 1.9.3. Pengeksplisitan



Pengeksplisitan terjadi apabila teks sasaran lebih eksplisit daripada teks sumber. Konsep ini diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet pada tahun 1958 sebagai salah satu prosedur terjemahan tambahan, selain daripada terjemahan langsung dan tidak langsung. Pengeksplisitan bermaksud maklumat yang dinyatakan secara implisit dalam teks sumber diungkapkan secara jelas dalam teks sasaran (Becher, 2011).

### 1.9.4. Relevans

Teori relevans diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) dan berasal dari ilmu kognitif. Teori ini kemudian dikembangkan oleh Gutt (1991), seorang murid Sperber,





dan digolongkan dalam pendekatan langsung. Teori ini menekankan koheren dalam komunikasi yang terhasil dari maklumat eksplisit dan implisit yang berkaitan dengan situasi pertuturan. Berasaskan kewajaran pragmatik, teori relevans mempunyai hubungan yang rapat dengan penterjemahan dan menjelaskan cara manusia berkomunikasi menurut prinsip-prinsip teori relevans.

### 1.9.5. Budaya

Budaya berkaitan erat dengan bahasa sesuatu bangsa. Menurut Tylor (1981), budaya adalah kompleks dan meliputi pengetahuan, kepercayaan, seni, undang-undang, moral, adat, dan sifat dalam komuniti sosial. Banyak aspek budaya dapat ditemui dalam teks terjemahan. Larson (1998) menegaskan bahawa unsur ekstra linguistik seperti kebiasaan, waktu, dan situasi turut mempengaruhi dan memberi warna dalam proses penterjemahan.

Sifat bahasa sangat dipengaruhi oleh kebudayaan masyarakat yang menuturkannya. Pada masa yang sama, bahasa juga mempengaruhi minda dan tingkah laku penuturnya. Ini menunjukkan hubungan yang erat antara penterjemah, pembaca terjemahan, bahasa, dan kebudayaan mereka. Fenomena ini mempunyai implikasi penting terhadap teori dan teknik-teknik terjemahan.

Seorang penterjemah perlu ingat bahawa apabila menterjemah, contohnya dari bahasa Arab ke bahasa Melayu, mereka menterjemah untuk pembaca yang tidak mampu membaca dalam bahasa Arab. Dengan kata lain, mereka menterjemah untuk





pembaca Melayu yang akan membaca teks tersebut dalam bahasa Melayu. Hal ini penting kerana ia mempengaruhi teknik-teknik terjemahan yang digunakan, dan membantu pembaca memahami teks dengan lebih baik dalam bahasa mereka.

#### 1.9.6. Hipotesis Asymmetry

Klaudy (2011) mengemukakan hipotesis tidak simetri, yang kemudian disokong oleh kajian Becher (2011) dalam kajian beliau mengenai pengeksplicitan dan pengimplisitan dalam terjemahan teks perniagaan Inggeris-Jerman dan Jerman-Inggeris. Becher mendapati bahawa penterjemahan eksplisit tidak seimbang dengan implisit, menyebabkan ketidaksimetrian. Hipotesis ini juga menyatakan bahawa penterjemah cenderung melakukan pengeksplicitan lebih daripada pengimplisitan dan menghindari pengeksplicitan yang didorong oleh terjemahan itu sendiri.

Hipotesis Asimetri merupakan satu pendekatan dalam bidang linguistik dan penterjemahan yang menekankan bahawa hubungan padanan antara dua bahasa tidak bersifat simetri. Hal ini bermaksud bahawa sesuatu unsur bahasa dalam bahasa sumber tidak semestinya mempunyai padanan yang setara secara langsung dalam bahasa sasaran. Ketidakseimbangan ini berlaku akibat daripada perbezaan sistem leksikal, semantik, pragmatik dan budaya antara dua bahasa yang terlibat (Wierzbicka, 1996).

Wierzbicka (1996) menyatakan bahawa setiap bahasa mempunyai sistem semantik tersendiri yang terbina dalam kerangka budaya masing-masing, dan oleh itu,





terdapat konsep-konsep yang tidak boleh dipindahkan secara langsung tanpa mengalami kehilangan makna atau perubahan makna. Justeru, dalam konteks penterjemahan, penterjemah perlu mengambil kira faktor asimetri ini dalam usaha mengekalkan mesej asal teks.

Menurut Baker (1992), asimetri dalam penterjemahan wujud pada pelbagai peringkat termasuk leksikal, struktur ayat, dan konteks pragmatik. Beliau menegaskan bahawa tidak semua elemen dalam bahasa sumber mempunyai padanan mutlak dalam bahasa sasaran, malah padanan literal sering kali tidak dapat menyampaikan makna sebenar kepada pembaca sasaran. Dalam situasi sebegini, strategi seperti parafrasa, penambahan penjelasan, atau pepadanan makna secara kontekstual diperlukan.

Dalam konteks penterjemahan Arab-Melayu, fenomena asimetri ini amat ketara kerana kedua-dua bahasa berasal daripada latar budaya dan sistem linguistik yang berbeza. Menurut Abdul Wahid Hj. Mat (2002), bahasa Arab mengandungi kekayaan morfologi dan sistem makna yang kompleks, yang kadang-kala tidak mempunyai padanan langsung dalam bahasa Melayu. Oleh itu, penterjemah Melayu perlu menggunakan strategi parafrasa eksplisit bagi menjelaskan maksud sebenar yang terkandung dalam teks Arab, terutamanya dalam penterjemahan teks keagamaan dan klasik.

Kesimpulannya, hipotesis asimetri menekankan keperluan penterjemah untuk memahami bahawa proses penterjemahan tidak boleh berlaku secara mekanikal atau literal. Sebaliknya, ia menuntut kepekaan terhadap perbezaan linguistik dan budaya





serta penggunaan strategi seperti parafrasa eksplisit untuk menjamin ketepatan makna dalam bahasa sasaran.

### 1.10. Kesimpulan

Secara umum, bab ini telah menerangkan latar belakang, permasalahan, kepentingan, objektif, soalan, batasan, dan definisi kajian. Pengenalan ringkas mengenai kajian 'Analisis Makna Eksplisit Penterjemahan Peribahasa Arab-Melayu Dalam Buku *Kalilah Wa Dimnah*' dapat disimpulkan seperti berikut:

Pengkaji mendapati bahawa dalam kajian ini, tidak semua makna dan maklumat dari bahasa sumber dapat diterjemahkan dengan jelas ke dalam bahasa sasaran. Oleh itu, pengeksplicitan perlu dilakukan dengan baik oleh penterjemah. Teks *Kalilah wa Dimnah* mengandungi ujaran yang disampaikan secara implisit dan eksplisit, selaras dengan konteks sosiobudaya dan khalayak pembaca Arab.

